

## 2 Tragedi pesawat MAS MH370 terhempas di Lautan Hindi

5

Kazakhstan  
Turkmenistan

Pesawat MH370 kemudian dimaklumkan mungkin berada di koridor utara dari sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan hingga ke utara Thailand dan koridor selatan iaitu dari Indonesia hingga ke selatan Lautan Hindi.

BEIJING

MH370 dikatakan bergerak ke Laut Andaman sebelum beralih pula ke Lautan Hindi

Data primary tentera menunjukkan pesawat tersebut berada pada posisi penanda 200 batu di barat laut Pulau Pinang pada pukul 2.15 pagi.

15 Mac 2014  
Datuk Seri Najib memaklumkan waktu terakhir komunikasi antara pesawat MH370 dengan satelit adalah pada pukul 8.11 pagi waktu Malaysia pada 8 Mac

Pesawat MH370 terputus hubungan dengan menara kawalan udara di Subang ketika berada di ruang udara Vietnam

4

Laut Andaman

3

2


Laut China Selatan

KUALA LUMPUR

1

8 Mac 2014  
Pesawat MH370 berlepas dari KLIA pada pukul 12.41 pagi dan dijangka mendarat di Beijing, China pada pukul 6.30 pagi

Lautan Hindi



## INFO MH370

- Membawa 239 penumpang termasuk dua bayi dan 12 anak kapal
- Pesawat dikendalikan oleh Kapten Zaharie Ahmad Shah dengan pengalaman selama 18,365 jam
- Pembantu juruterbang Fariq Abdul Hamid dengan pengalaman penerbangan 2,763 jam
- Terputus hubungan dengan Pusat Kawalan Trafik Udara Subang pada pukul 2.40 pagi

19 Mac 2014

Perdana Menteri Australia, Tony Abbott memaklumkan kepada parlimen negara tersebut mengenai penemuan dua imej satelit bersaiz 24 meter yang dipercayai tenggelam timbul di permukaan air berkemungkinan serpihan daripada pesawat MH370 yang hilang.

24 Mac 2014

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengesahkan pesawat MH370 ditemui terhempas di selatan Lautan Hindi

# Misteri kehilangan MH370 berakhir di Lautan Hindi



DATUK Seri Najib Tun Razak kelihatan sugul selepas mengesahkan MH370 dikesan di Lautan Hindi.



SEORANG ibu kepada salah seorang penumpang MH370 dari China meraung selepas dimaklumkan pesawat MH370 dikesan di Lautan Hindi.


Kosmo 25/3/14 MS2163



**KANAN:** Kesedihan terpancar di wajah Selamat Omar bersama isteri, Rosila Abu Samad selepas menerima berita pesawat dinaiki anaknya, Mohd. Khairul Amri dikesan di Lautan Hindi.



**KIRI:** Tentera Udara Australia membuat tinjauan dari pesawat AP-3C Orion untuk mencari serpihan MH370 di Lautan Hindi.



**BAWAH:** Sebuah kapal milik TLDM dikerahkan belayar ke Lautan Hindi untuk misi mencari serpihan MH370.



**SEBUAH** pesawat AP-3C Orion dalam penerbangan misi mencari MH370.



## **KRONOLOGI KEHILANGAN PESAWAT MAS MH370**

- \* Sebanyak 27 buah negara terlibat dalam proses mencari dan menyelamatkan sejak MH370 hilang, 8 Mac lalu**
- \* Sebanyak 43 kapal dan 40 pesawat digunakan untuk mencari MH370 meliputi kawasan Laut China Selatan, Selat Melaka, Laut Andaman dan Lautan Hindi serta di kawasan daratan beberapa buah negara.**
- \* Pesawat peninjau paling canggih di dunia, P8 Poseidon milik Amerika Syarikat turut digunakan dalam mencari MH370**
- \* Ucapan terakhir 'baik, selamat malam' dihantar dari kokpit pesawat MH370 pada pukul 1.19 pagi oleh pembantu juruterbang, Fariq Abdul Hamid**
- \* Pesawat berkenaan disahkan sengaja dilencong dari laluan asal tetapi siapa dan kenapa ia dilakukan belum diketahui**
- \* Semua kru penerbangan MH370 dan juga penumpang disiasat untuk mengenalpasti punca sebenar kehilangan pesawat tersebut**
- \* Data daripada radar dan satelit membawa kepada penemuan MH370 yang jauh melencong dari laluan asal**
- \* Dua lelaki Iran dikesan menggunakan pasport curi untuk menaiki MH370**
- \* Kehilangan MH370 dianggap paling misteri dan tragis dalam sejarah penerbangan dunia**
- \* Selepas 17 hari MH370 dilaporkan hilang, pesawat itu disahkan terhempas di selatan Lautan Hindi**
- \* Siasatan kehilangan MH370 dianggap paling sukar dan menguji kemampuan teknologi satelit.**
- \* Lautan Hindi merupakan laut paling dalam dan terpencil di dunia**
- \* Kawasan daratan paling dekat dengan lokasi ia di percayai terhempas ialah lebih 2,500 kilometer iaitu benua Australia ataupun kira-kira tiga jam penerbangan dari Perth**
- \* Pakar berpendapat misi mencari kotak hitam MH370 adalah lebih sukar berbanding tragedi Air France yang terhempas di Lautan Atlantik pada tahun 2009**